

15 Januari 2025

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera



PENDUDUK SUDAN DIJANGKA KEMBALI KE WAD MADANI: SOKONGAN SEGERA DIPERLUKAN

Pekerja bantuan di Wad Madani menyifatkan bandar itu kini ibarat 'rangka yang musnah'. Justeru, penduduk yang pulang semula ke bandar itu sangat memerlukan sokongan kemanusiaan.

Penghujung 2023 menyaksikan ratusan ribu penduduk melarikan diri daripada pertempuran sengit di Wad Madani apabila Pasukan Sokongan Pantas (RSF) mengambil alih bandar tersebut.

Dalam beberapa hari kebelakangan ini, tentera Sudan berjaya merampas kembali bandar tersebut, satu perkembangan ketenteraan yang penting dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini.

Ramai daripada penduduk yang melarikan diri daripada kediaman asal mereka, hidup dalam keadaan yang sangat sukar di kem pelarian dan tempat perlindungan yang sesak di Sudan Timur.

Kakitangan Islamic Relief di Sudan menjangkakan ramai akan mula kembali ke bandar itu dalam masa beberapa hari atau minggu yang akan datang. Namun, mereka sangat memerlukan bantuan seperti makanan serta sokongan untuk membina semula kehidupan mereka.

Menurut Elsadig Elnour, Pengarah Negara Islamic Relief Sudan, "Bandar ini kini ibarat rangka yang telah menyaksikan kemusnahan perkhidmatan awam, pasar, bekalan makanan, infrastruktur air dan penjagaan kesihatan. Jadi, mereka yang pulang memerlukan banyak bantuan.

"Keperluan utama ketika ini ialah penghantaran bantuan makanan segera, penjagaan kesihatan dan baik pulih infrastruktur air.

"Walaupun tanpa kemudahan perkhidmatan akibat kemusnahan yang teruk, kami menjangkakan orang ramai akan kembali tidak lama lagi kerana mereka hidup dalam keadaan yang sangat teruk dan terdesak di kem-kem pelarian dan tempat perlindungan di Sudan Timur.

"Tanpa pekerjaan, mereka tidak mempunyai makanan yang mencukupi dan tidak mampu membayar sewa rumah yang mahal. Disebabkan itu, ramai yang ingin pulang ke rumah asal mereka secepat mungkin walaupun tiada apa-apa yang tersisa di sana."

Islamic Relief terus menyeru pihak-pihak yang bertelagah untuk memudahkan penghantaran bantuan kemanusiaan tanpa halangan. Kami juga menyeru komuniti antarabangsa untuk meningkatkan usaha bagi mengelakkan kebuluran merebak ke seluruh negara dan mencapai perjanjian damai yang berkekalan.

Orang ramai berpeluang untuk membantu penduduk Sudan dengan menyumbang terus ke kempen IR Malaysia di laman web; www.islamic-relief.org.my atau hubungi 03-8926 3434 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

-TAMAT-

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan pembangunan terbesar di dunia.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penajaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.
Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my*